

Negara Kuwait Merdeka

19 haribulan Jun 1961 ialah hari yang bersejarah bagi negara dan rakyat Kuwait, kerana pada hari itulah perjanjian yang diikat oleh kerajaan Kuwait dan kerajaan Inggeris telah dimansuhkan.

Negara Kuwait, sebuah negara Arab yang merdeka dan kaya dengan minyak telah meraikan hari kebangsaannya yang pertama pada 19 Jun 1962 yang lalu dengan meriahnya.

Dalam tahunnya yang pertama, Kuwait telah berjaya melaksanakan rancangan pembangunan dan kemakmuran untuk rakyat seluruhnya

Dalam ucapannya pada hari kebangsaan Kuwait, Amir negara Kuwait, al-Shaykh Abdullah al-Salim al-Sabah telah menegaskan azam kerajaannya untuk membina negara Kuwait sebagai sebuah negara yang merdeka dan makmur, dengan menjalankan tujuan-tujuan utama:

1- Bekerjasama dan bertolong bantu dengan saudaranya negara-negara Arab dan Islam.

2- Mempertahankan kemerdekaan dengan segala tenaga, harta benda dan nyawa.

3- Menghormati hak bangsa-bangsa di dunia dalam kebebasan dan kemerdekaan.

4- mencintai perdamaian, berjuang untuk menguatkannya, mengamalkan dasar tidak memihak ke mana-mana, berusaha memperteguh ikatan persahabatan dengan segala



Keterangan: Amir (raja) negara Kuwait, al-Shaykh Abdullah

al-Salim al-Sabah.

* * *

bangsa, dan sedia mengeluarkan tangannya kepada siapa-siapa sahaja yang suka kepada persahabatan ini.

5- Berpegang kepada piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan

Piagam Hak-hak Manusia.

Perhubungan Dengan Negara-negara Dunia

Negara Kuwait telah diakui – hingga hari ini -

oleh 73 buah negara dunia.

Kuwait belum diterima menjadi anggota Pertubuhan

Bangsa-bangsa Bersatu kerana permintaannya telah ditolak oleh

Soviet Rusia dengan menggunakan hak “veto”

Walau bagaimanapun, Kuwait sedang berjuang

untuk mendapat haknya yang halal – menjadi anggota

Bangsa-bangsa Bersatu.

Dalam hubungan dengan negara-negara dunia, Kuwait telah

bertukar-tukaran membuka kedutaannya di Saudi Arabia,

di Britain, di Amerika, di Republik Arab Bersatu, di negara

Hashimiah Jordan, dan Lubnan.

Ia juga telah bertukar-tukaran perhubungan diplomatik

dengan Sudan, Tunisia, Afghanistan, dan dengan beberapa

negara Eropah dan Afrika.

rancangan pembangunan menurut dasar siasah yang tertentu,

yang sentiasa bertujuan kepada membina dan memajukan negara.

Galakan-galakan telah diberikan kepada badan-badan perusahaan, iaitu

satu lapangan yang baharu dalam negara Kuwait, sebagaimana

usaha-usaha telah dijalankan untuk memperkuuh dan

memajukan perniagaan di dalam negeri dan di luar negeri.

Selain daripada itu, di antara tujuan-tujuan siyasah

iktisad negara Kuwait ialah menaikkan taraf hidup

tiap-tiap seseorang rakyatnya iaitu dengan jalan memajukan

lapangan-lapangan pelajaran, kesihatan dan kemasyarakatan.

Dalam lapangan luar negeri, negara Kuwait telah memberikan


sepenuh-penuh kerjasama untuk memajukan iktisad dunia

Arab, dan telah pun memberi pinjaman kepada beberapa

buah negara Arab untuk memajukan negara masing-masing.

Belanjawan bagi negara Kuwait pada tahun ini ialah

155 juta dinar (paun Kuwait). Di antaranya 75 juta



Suatu pemandangan di tengah-tengah bandar ibu negara Kuwait, yang sedang dibina dengan indahnya.



* * *

Amir negeri Kuwait al-Shaykh

Abdullah al-Salim al-Sabah, sedang

berucap pada "Hari Kebangsaan"

Kuwait yang telah diraikan dengan

meriahnya baharu-baharu ini.

* * *

* * *

dinar telah dikhaskan untuk pembangunan negara.

kerajaan. Kementerian yang bersabit sentiasa mengambil berat

Soal air.

pada menyelesaikan masalah-masalah buruh dan membasmi pengangguran

Negara Kuwait yang kaya dengan minyak sangat miskin

(pusat-pusat latihan kerja dan pendidikan buruh)

pula tentang air.

telah didirikan, di dalamnya kaum buruh bergerak cergas

Pada masa yang lalu, Kuwait terpaksa mengangkut air

dalam berbagai-bagai lapangan: masyarakat, kebudayaan, sukan

dengan kapal dari seberang – dari Pantai Shāṭ al-'Arab

dan hiburan.

yang terletak di negeri Parsi, kira-kira delapan puluh ribu

gelen dalam sehari.

Tetapi sekarang kerajaan Kuwait telah mendirikan

kiland penapisan air laut. Usaha ini telah dijalankan

semenjak tahun 1953 dengan mengeluarkan kira-kira satu

juta gelen sehari dan akhirnya telah sampai kepada 6

juta gelen sehari.

Kedudukan Kaum Buruh

Kaum buruh di Kuwait mendapat jaminan yang selayaknya.

Kementerian Hal Ehwal Masyarakat telah mengeluarkan

undang-undang untuk mengatur perhubungan buruh dengan



al-Shaykh Jabar al-Ahmad al-Sabah Menteri

majikan, dan satu undang-undang lagi untuk pekerja-pekerja.

Iktisad negara Kuwait.

Pelajaran di Kuwait

Pelajaran di negara Kuwait sedang dimajukan dengan bersungguh-sungguh:

Belanjanan pelajaran yang pada masa dahulunya berjumlah 311 ribu rupiah telah meningkat pada tahun ini berjumlah 6 juta 995 ribu dinar (paun Kuwait).

Jumlah pelajar-pelajar - lelaki dan perempuan - dalam segala tingkatan menurut banci yang akhir sekali ialah sebanyak 50,445 orang, seperti berikut:

Pelajar-pelajar lelaki: 16,444 di sekolah-sekolah permulaan, 7,568 di sekolah-sekolah menengah, dan 2,024 di sekolah-sekolah menengah atas.

Pelajar-pelajar perempuan: 12,651 di sekolah-sekolah permulaan, 3764 di sekolah-sekolah menengah, dan 706 di sekolah menengah atas.

Selain daripada itu, 5697 kanak-kanak - lelaki dan perempuan - sedang belajar dalam ((taman kanak-kanak)). sebagaimana juga terdapat 281 pelajar lelaki menuntut dalam kolej agama, dan 104 pelajar perempuan belajar dalam kolej guru-guru perempuan. Demikian juga terdapat 1,206, pelajar lelaki menuntut dalam sekolah-sekolah pertukangan.

Jumlah sekolah lelaki ialah 62 buah, manakala sekolah-sekolah perempuan berjumlah 56 buah, ditambah dengan ((taman kanak-kanak)) sebanyak 24 buah.

Guru-guru yang berkhidmat di sana selain daripada orang-orang Kuwait sendiri, maka sebahagian besarnya di ambil dari Republik Arab Bersatu, Syria, Palestin, Jordan, Lubnan, Iraq dan lain-lainnya

Guru-guru lelaki berjumlah 1,366 orang, dan guru-guru perempuan pula ialah sebanyak 1180 orang.



Keterangan: al-Shaykh Saad Abdullah al-Salim al-Sabah

Menteri Dalam Negeri negara Kuwait.

* * *

Negara Kuwait juga telah menghantarkan pelajar-pelajarnya keluar negeri berjumlah 597 orang. Sebuah universiti akan dibuka di Kuwait tidak lama lagi.

Jumlah Penduduknya

Penduduk negara Kuwait berjumlah 320 ribu.

Menurut banci rasminya orang-orang Kuwait sendiri berjumlah 160 ribu dan yang bakinya ialah 10 ribu dari Mesir, 20 ribu dari Palestin, 25 ribu dari Syria, dan berpuluhan-puluhan ribu lagi dari Lubnan, India , Parsi, Iraq, Yaman dan Saudi Arabia. Siapa-siapa saja boleh masuk ke negara Kuwait dan mendapat kerja di dalam negara yang sedang makmur dan maju dalam segala lapangan pembangunan.